

MODEL PENGAJARAN UNSUR TAUTAN (2009) DALAM PENDIDIKAN BAHASA MELAYU: TREND, ELEMEN DAN FAEDAH

ROZITA MOHAMAD YUNEH
Universiti Kebangsaan Malaysia
myrozita93@gmail.com

RAHIM AMAN
Universiti Kebangsaan Malaysia
tuntas@ukm.edu.my

*SHAHIDI A.H.**
Universiti Kebangsaan Malaysia
zedic@ukm.edu.my

*Pengarang Perantara

ABSTRAK

Makalah ini membincangkan Model Pengajaran Unsur Tautan (2009) sebagai sarana kohesi menulis karangan. Kajian ini merupakan kajian kualitatif menjurus kepada pendekatan tematis yang berfokuskan penelitian analitis untuk menyesuaikan elemen sarana kohesi yang ada dengan pelaksanaan pengajaran karangan dalam pendidikan Bahasa Melayu. Hasil analisis menunjukkan bahawa model ini yang membahagikan sarana kohesi kepada tiga unsur iaitu tautan perulangan, tautan hubungan dan tautan penghubung ayat sangat bermanfaat untuk diaplikasikan dan dapat merencanakan proses pengajaran kemahiran menulis. Analisis mendapati kemampuan Model Pengajaran Unsur Tautan (2009) mendukung fungsi kohesi dan koheren melalui binaan teks, menstrukturkan idea dan mengorganisasikan makna sehingga menjadi konstituen karangan yang lengkap. Makalah ini juga menyarankan sarana kohesi dengan istilah yang mudah dalam model ini dijadikan penyuluh amalan pengajaran karangan dalam kalangan guru bersandarkan sifat proses mengarang itu sendiri.

Kata kunci: koheren; sarana kohesi; tautan hubungan; tautan penghubung ayat; tautan perulangan

THE COHESIVE TIES TEACHING MODEL (2009) IN MALAY LANGUAGE EDUCATION: TRENDS, ELEMENTS AND BENEFITS.

ABSTRACT

This paper discusses The Cohesive Ties Teaching Model (2009) as a means of cohesion of writing essays. This study is a qualitative study leading to a thematic approach that focuses on analytical research to adapt the elements of existing cohesion facilities with the implementation of essay teaching in Malay language education. The results of the analysis showed that this model that divides the means of cohesion to three elements namely repetitive cohesion,

collocative cohesion and conjunctive cohesion is very beneficial to apply and can boost the teaching process of writing skills. The analysis found that the ability of The Cohesive Ties Teaching Model (2009) supports cohesive and coherent functions through text building, structures ideas and organizes meaning to become complete constituents of essays. This article also suggests a cohesive ties with easy terms in this model as a prelude to the practice of teaching essays among teachers based on the nature of the composing process itself.

Keywords: coherence; cohesive ties; collocative cohesion; conjunctive cohesion, repetitive cohesion

PENDAHULUAN

Kualiti penulisan telah menjadi tumpuan penyelidikan pendidikan sejak dahulu lagi (Othman 1997 & Siti Zabedah, 2006) dan masih berterusan sehingga hari ini (Sukmawan, Setyowati, & El-Sulukiyyah, 2021). Satu daripada aspek penulisan berkualiti dikaitkan dengan perenggan yang bermutu. Perenggan atau dikenali juga sebagai paragraf merupakan bahagian kecil sesuatu penulisan yang terdiri daripada beberapa baris ayat, dimulakan pada baris baharu dan biasanya diinden. Kepentingan perenggan dapat dilihat sebagai satu cara untuk menyampaikan idea secara sistematik. Perkara ini bermakna penulis menyampaikan kepada pembacanya bahawa setiap perenggan dalam penulisannya mengandungi idea-idea tertentu. Perenggan yang tidak diolah dengan rapi dan tersusun akan menyukarkan aliran idea daripada penulis untuk sampai kepada pembaca.

Penulisan yang berkesan dihubungkan dengan tiga komponen perenggan yang utama iaitu perenggan pengenalan, perenggan isi dan perenggan penutup. Perenggan pengenalan akan menggambarkan secara umum tema perbincangan yang bakal diperoleh tafsirannya dalam perenggan-perenggan isi. Perenggan isi pula sebagai wadah berkembangnya tema penulisan. Lazimnya perenggan isi penulisan terbina daripada banyak perenggan. Setiap perenggan isi mengutarakan satu idea yang selaras dengan tema penulisan. Ayat yang berperanan mengemukakan idea dalam perenggan isi dinamakan ayat judul atau ayat topik. Judul atau topik itu perlu diperluaskan dengan ayat-ayat sokongan bagi mewajarkan idea yang dikemukakan. Manakala perenggan penutup menyimpulkan atau merumuskan idea yang dibincangkan bagi menandakan berakhirnya penulisan berkenaan. Oleh itu, banyak pendapat yang menyokong bahawa unsur kohesi dan koheren menjadi syarat utama keutuhan perenggan (Alief & Mohamad Ikhwan, 2019).

Kohesi dalam perenggan merujuk kepada jalinan perkataan yang disusun mengikut struktur tertentu sehingga ayat-ayat dalam perenggan tertumpu kepada idea yang hendak difokuskan (Dio, Rokhmat, & Bambang, 2018). Perenggan yang kohesi bukan setakat menjajarkan perkataan, sebaliknya gugusan perkataan itu dapat menyatakan apa-apa yang ingin disampaikan semudah yang boleh, tepat dan pemahaman pembaca dapat dijangkakan melalui idea yang mengalir.

Koheren pula dapat disifatkan sebagai keutuhan idea yang didukung oleh gugusan peranti yang kohesif. Lestari (2019) menjelaskan kekoherenan memerlukan peranti kohesi. Perenggan yang koheren diperlihatkan melalui hubungan antara perkataan dalam mengembangkan sesuatu idea dari segi bentuk dan struktur. Sebagai mana yang telah dijelaskan bahawa perenggan merupakan bahagian kecil daripada sesuatu penulisan kerana

perenggan merupakan satu unit tertentu untuk mengembangkan satu idea tertentu, namun perenggan tidak dilihat sebagai satu unit yang terpisah antara satu dengan yang lain. Oleh itu, aspek koheren dalam penulisan juga merujuk kepada kesinambungan idea antara perenggan yang menjadikan penulisan itu sebagai wacana yang bermakna.

SOROTAN KAJIAN

Rosa & Genuino (2018) mengaitkan kualiti penulisan dengan kebolehbacaan teks yang tinggi. Konsep kebolehbacaan dikatakan berhubungan dengan keperluan menyediakan segala kemudahan kepada pembaca dalam memahami idea-idea yang terkandung dalam teks. Kebanyakan pengkaji bersetuju bahawa kualiti penulisan yang baik ialah keupayaan penulis untuk menggunakan retorik dan unsur-unsur linguistik termasuk sarana kohesi (Anis Firdatul, 2019; Dewi, 2016 & Rahman, 2013). Seseengah pengkaji pula Ghasemi (2013); Priyatmojo (2012); Tenri Ampa & Muhammad Basri (2019) menyifatkan penulisan yang kurang berkualiti dicirikan dengan kurangnya koheren iaitu apabila tiadanya peranti eksplisit yang berfungsi sebagai sarana kohesi dalam penulisan.

Di Malaysia terdapatnya laporan yang konsisten menunjukkan pencapaian murid dalam penulisan di peringkat pentaksiran kebangsaan masih lemah. Jawapan calon tidak berkualiti dengan struktur ayat yang tidak jelas (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2017). Jawapan calon menggambarkan aspek menghuraikan idea yang tidak dikuasai dan tiada kemahiran menjalin idea antara perenggan (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2019). Keadaan ini membayangkan aspek keutuhan karangan sebagai wacana lengkap masih menjadi isu utama menghalang calon mendapat markah cemerlang. Murid didapati masih sukar dalam memilih dan menyusun gagasan fikiran secara logik dan sistematik. Perenggan yang ditulis tidak memperlihatkan jalinan bahasa yang kemas sehingga idea yang hendak disampaikan itu tidak mempamerkan turutan yang jelas atau idea berkenaan kelihatan melompat-lompat. Laporan ini tidak menggambarkan kecekapan kemahiran menulis yang tinggi (Avralinetine & Nurfaradilla, 2021; Hung Siew Siew & Zamri, 2021). Zuraini, Fadzilah, Norazlina, & Samsilah, (2013) menghubungkan perkara ini dengan proses penyampaian ilmu yang tidak berkesan dan dikhuatiri akan mempengaruhi pencapaian dalam mata-mata pelajaran lain juga

Nur Faradhibah & Aliyah Nur (2017) mengaitkan perkara ini dengan kesukaran murid menggunakan elemen kohesi dan koheren. Putri, Anwar, & Ansoriyah (2020) bersetuju bahawa untuk meminimalkan kesalahan kohesi dalam karangan, guru harus menciptakan aktiviti yang bervariasi ketika proses pembelajaran berlangsung. Adiantika (2015) menjelaskan kelemahan murid dalam menggunakan peranti kohesi yang sesuai disebabkan oleh gaya pengajaran guru di dalam kelas yang kurang membimbing murid. Ningrum & Simpen (2019) pula menyifatkan proses pembelajaran yang bersifat konservatif tanpa adanya metode atau teknik pendukung menjadi salah satu faktor penghambat penulisan yang berkesan.

Pengajaran sarana kohesi penting sebagaimana yang ditekankan oleh Arvianto, Supendi, & Agustiani, (2018) iaitu guru perlu melaksanakan pengajaran kemahiran menulis dengan menggunakan metode, teknik, dan model yang menarik supaya murid dapat menggunakan peranti kohesi dengan sewajarnya, betul dan berkesan. Sidabutar (2021) menyarankan guru mempelbagaikan kaedah dan teknik pengajaran kohesi leksikal bagi meningkatkan mutu penulisan murid. Choemue & Bram (2021) menyarankan guru harus lebih

fokus mengajar fungsi dan tujuan setiap penanda wacana supaya murid boleh menggunakannya dalam konteks yang sesuai.

Kajian Marashi (2021) menunjukkan adanya perbezaan yang signifikan dalam pencapaian murid yang diberikan pengajaran berdasarkan model tautan Halliday dan Hasan (1976). Unsur tautan dibahagikan kepada lima jenis iaitu rujukan, penggantian, ellipsis, penghubung dan leksikal. Analisis menunjukkan kumpulan murid yang memperoleh markah rendah adalah disebabkan penggunaan peranti kohesi yang tidak tepat, tidak berkesan dan terlalu berlebih-lebihan. Perkara ini dapat dikaitkan dengan pelaksanaan bahan pengajaran tentang cara menggunakan peranti kohesi dengan betul akan membantu murid memahami logik dalam penulisan.

Sidabutar (2021) membangunkan model pengajaran berdasarkan taksonomi tautan Halliday dan Matthiensen (2014). Model ini membahagikan unsur tautan kepada pengulangan, sinonim, antonim, hiponim, dan meronim. Analisis menjelaskan penggunaan unsur pengulangan mendominasi karangan. Unsur sinonim, antonim, meronim dan hiponim kurang digunakan sedangkan penggunaan unsur pengulangan yang berlebih-lebihan akan membosankan pembaca. Perkara ini dihubungkan dengan struktur perbendaharaan kata lama dengan perbendaharaan kata baharu dalam skemata murid yang kurang sedangkan Juanggo (2018) menegaskan perbendaharaan kata merupakan komponen penting bagi murid untuk memperoleh kemahiran bahasa terutamanya kemahiran menulis.

Penelitian Gunawan, Wirza, & Azhari Holik, (2020) dalam kalangan murid bermasalah pendengaran juga menunjukkan hubungan yang positif antara olahan guru terhadap sarana kohesi dalam pengajaran dengan keterampilan menulis murid. Penemuan dapat dihubungkan juga dengan pentingnya membina intervensi pengajaran sarana kohesi yang bersesuaian dalam golongan yang kurang akses kepada bahasa pertuturan. Dumlao & Wilang (2019) yang merangka strategi pengajaran penanda wacana bagi melengkapkan murid dengan pengetahuan dan kebolehan menulis karangan yang utuh berdasarkan taksonomi Fraser (1999) turut mendapati adanya perbezaan ketara dalam aspek kekerapan penggunaan selepas diberikan rawatan. Kajian Emilia, Habibi, & Bangsa (2018) juga menunjukkan impak yang sama iaitu peralihan fokus pengajaran guru kepada sarana kohesi melalui intervensi bahan pengajaran meningkatkan pencapaian murid dalam penilaian akhir.

Berdasarkan sorotan kajian, dapatlah disimpulkan bahawa pentingnya model pengajaran sarana kohesi sebagai kerangka untuk merencanakan proses pengajaran karangan. Oleh itu, makalah ini bertujuan menghalusi Model Pengajaran Unsur Tautan (2009) dan seterusnya menganalisis secara kritis kesignifikan model ini dalam pengajaran kemahiran menulis. Justifikasi utama pengkaji mengangkat model ini sebagai kerangka mengajarkan sarana kohesi kerana penggunaan istilah linguistik dalam model ini lebih mudah difahami. Khatijah (1996) turut menegaskan bahawa penggunaan istilah yang mudah sangat signifikan dalam membina pemahaman murid terhadap sesuatu konsep yang dipelajari. Selain itu, tinjauan model ini penting kerana unsur tautan yang disenaraikan merangkumi sarana kohesi yang sering ditemukan dalam karangan dan wajar dibahaskan demi pelaksanaan mampan pengajaran kemahiran menulis.

METODOLOGI

Kaedah kajian yang digunakan dalam penulisan ini ialah penyelidikan kualitatif berbentuk analisis kandungan. Pengumpulan data tertumpu kepada menganalisis sumber primer iaitu hasil penulisan daripada 10 orang murid tingkatan 4. Sebanyak 40 buah karangan jenis deskriptif daripada empat tema yang terkandung dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu Tingkatan 4 iaitu tema Kerjaya, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau; Ekonomi, Keusahawanan dan Pengurusan Kewangan; serta Pertanian, Penternakan dan Perikanan telah diteliti. Pendekatan yang digunakan menjurus kepada pendekatan tematis yang berfokuskan penelitian analitis untuk menyesuaikan elemen sarana kohesi yang ada dengan pelaksanaan pengajaran karangan dalam pendidikan Bahasa Melayu.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Sejarah, Trend dan Evolusi Model Pengajaran Unsur Tautan (2009)

Menelusuri aliran perkembangan analisis wacana didapati berkembangnya beberapa model unsur tautan. Halliday dan Hasan (1976) menjeniskan tautan kepada lima unsur, iaitu rujukan, penggantian, elipsis, penghubung, dan tautan leksikal. Aliran ini banyak mendominasi bidang analisis teks atau analisis wacana khususnya dalam aspek kohesi dan koheren.




RAJAH 1. Model Tautan Halliday dan Hasan (1976)

Sanat (2002) telah mengemukakan Model Tautan Pindaan (MTP). Perkataan *pindaan* merujuk kepada model ini melalui proses penyesuaian daripada taksonomi tautan yang asli iaitu Model Halliday dan Hassan (1976). *Pindaan* ini dibuat berdasarkan ciri, bentuk, fungsi, makna dan konteks tatabahasa Bahasa Melayu. Tiga tunjang utama tautan dalam MTP ialah tautan perulangan, tautan kolokasi dan tautan penghubung ayat.



RAJAH 2. Model Tautan Pindaan (2002)

Zamri & Abdul Shukor (2009) telah memperkenalkan Model Pengajaran Unsur Tautan. Model ini berevolusi daripada MTP tetapi beberapa elemen telah disesuaikan semula agar lebih mudah diajar dan berupaya meningkatkan pemahaman konsep murid di bilik darjah. Sari, Hapizah, Susanti, & Scristia (2020) mengaitkan kesukaran pembelajaran dan pemahaman konsep yang rendah berpunca daripada bahan pengajaran dan model pembelajaran yang menggunakan istilah yang sukar difahami. Chairudin (2020) turut menjelaskan bahawa dengan menggunakan istilah yang mudah, murid akan memahami pernyataan guru dan akhirnya mereka dapat menguasai perkara yang disampaikan.



RAJAH 3. Model Pengajaran Unsur Tautan (2009)

Rajah 3 menunjukkan Model Pengajaran Unsur Tautan menggabungkan tautan perulangan rujukan dan perulangan penggantian kepada perulangan rujukan. Tautan perulangan leksikal, parafrasa, struktur dan makna sama digabungkan dan diubah istilah kepada dua, iaitu perulangan sama, dan perulangan sama maksud. Istilah tautan kolokasi antoniman digantikan dengan hubungan berlawanan. Istilah tautan kolokasi kohiponiman digantikan dengan hubungan keluarga, dan hubungan sebab akibat menggantikan tautan kolokasi hasil. Istilah penghubung ayat tidak diubah kerana murid sudah biasa menggunakan tautan jenis ini dalam karangan mereka. Penghubung ayat lebih dikenali oleh murid sebagai penanda wacana (*sentence connectors dan sequence connectors*). Tautan perulangan paralelisme dan elipsis, serta tautan kolokasi sifat diabaikan kerana jarang digunakan dan tidak sesuai dengan aras murid di peringkat sekolah menengah (Zamri & Abdul Sukor, 2009).

Elemen dan Faedah Model Pengajaran Unsur Tautan (2009)

Model ialah pola atau acuan atau kerangka yang dibangunkan sebagai menginterpretasikan sesuatu perkara. Model Pengajaran Unsur Tautan (2009) membahagikan sarana kohesi kepada tiga jenis iaitu tautan perulangan, tautan hubungan dan tautan penghubung ayat (Rajah 3).

1. Tautan Perulangan

1.1. Perulangan Sama

Perulangan sama merujuk kepada perkataan, frasa atau klausa tertentu diulang-ulang penggunaannya dalam perenggan. Perkataan, frasa atau klausa yang sama akan menjamin ketekstualan dalam mengekalkan idea yang dibincangkan. Fokus perbincangan akan menonjol dan memudahkan pemahaman pembaca untuk mengikuti aliran maklumat dalam perenggan berkenaan. Contoh:

(1) Perkataan **pengangguran** dapat difahami sebagai keadaan atau perihal tidak mempunyai pekerjaan. (2) **Pengangguran** boleh berlaku sama ada dalam jangka masa pendek mahupun jangka masa panjang. (3) Secara umumnya, **pengangguran** sering kali dikaitkan dengan kesukaran mencari pekerjaan apabila berlaku lebihan penawaran tenaga kerja di pasaran. (4) **Pengangguran** dihubungkan juga dengan aktiviti ekonomi tidak berkembang sehingga tidak berupaya menyediakan peluang pekerjaan mencukupi untuk penduduk setempat. (5) Kata orang bijak pandai bahawa **pengangguran** bukanlah kelemahan yang harus ditutupi, melainkan perlu didepani. (6) Terdapat langkah-langkah yang patut diambil untuk mengatasi masalah **pengangguran** dalam kalangan rakyat Malaysia.

1.2. Perulangan Sama Maksud

Perulangan sama maksud adalah mengulang kata, frasa atau klausa yang sama erti atau sinonim. Perulangan ini dapat mengelakkan penggunaan perkataan dalam nada yang sama

yang boleh menimbulkan kebosanan. Sinonim yang digunakan akan memberi variasi kepada binaan ayat dalam perenggan tetapi masih lagi mengekalkan maksud yang ingin disampaikan. Contoh:

(1) Bagi menangani isu pengangguran, lulusan universiti perlu melengkapkan diri dengan pelbagai **kemahiran**. (2) Kecemerlangan akademik semata-mata tidak menjamin siswazah diterima bekerja, sebaliknya **kecekapan** yang diinginkan oleh industri dan pasaran pekerjaan juga perlu dipertimbangkan. (3) Siswazah yang melengkapkan diri dengan bermacam-macam **kebolehan** fundamental alam pekerjaan, bukan sahaja dapat menepati kehendak majikan malah dapat merapatkan jurang sistem pendidikan antara siswazah dengan dunia luar. (4) Jelaslah, lulusan universiti yang mempunyai pakej pelbagai **kepandaian** dapat menurunkan kadar pengangguran dalam kalangan rakyat Malaysia.

1.3. Perulangan Rujukan

Perulangan rujukan bermaksud hubungan makna yang wujud antara sesuatu kata, frasa atau klausa yang berfungsi sebagai unsur rujukan dengan kata, frasa atau klausa yang dirujuk dalam sesuatu teks. Kohesi wujud dengan adanya tautan makna antara unsur rujukan ini dengan sesuatu perkara, proses atau hal yang baru ditulis. Unsur-unsur perulangan rujukan boleh dibahagikan kepada tiga jenis iaitu rujukan peribadi, rujukan tunjuk dan rujukan bandingan.

Rujukan peribadi ialah kata ganti nama yang digunakan untuk merujuk kepada orang yang disebut dalam ayat sebelum. Rujukan peribadi biasanya terdiri daripada kata ganti nama orang ketiga iaitu *ia*, *dia*, *beliau* dan *mereka*.

Rujukan tunjuk pula berfungsi sebagai unsur tautan yang merujuk kepada sesuatu yang baru disebut. Perkataan yang boleh menjadi rujukan tunjuk ialah *begitu*, *begini*, *demikian*, *sana*, *sini*, *situ* dan *tersebut*. Rujukan tunjuk *ini* dan *itu* berfungsi untuk merujuk kepada masa sesuatu perbuatan itu dilakukan. Rujukan *ini* merujuk kepada masa sekarang atau masa akan datang, manakala rujukan *itu* merujuk kepada masa lalu.

Rujukan bandingan bermaksud rujukan tidak langsung dengan cara merujuk kepada persamaan atau perbezaan dengan perkara yang dirujuk. Rujukan bandingan terbahagi kepada dua iaitu rujukan bandingan umum dan rujukan bandingan khusus. Rujukan bandingan umum menggunakan rujukan secara umum sahaja. Antara bandingan umum yang terdapat dalam Bahasa Melayu termasuklah *sama*, *sama juga*, *serupa*, *seperti itu*, *lain*, *yang lain* dan *berbeza*. Rujukan bandingan khusus merujuk kepada perbandingan antara dua unsur dengan mengambil kira ciri khusus unsur tersebut. Ciri khusus tersebut sama ada daripada segi kuantiti dan kualiti. Sekiranya perbandingan khusus melibatkan kuantiti, rujukan bandingan khusus *lebih* dan *kurang* digunakan dengan digandingkan dengan kata

atau frasa nama. Perbandingan khusus yang melibatkan kualiti pula menggandingkan rujukan bandingan *lebih* dan *kurang* dengan kata atau frasa adjektif. Contoh:

(1) Langkah utama mengatasi masalah pengangguran ialah **rakyat Malaysia perlu menghindari sikap memilih pekerjaan**. (2) **Perkara ini** merujuk kepada **kita** harus **bersikap terbuka** dengan mendukung fahaman apa-apa sahaja peluang yang terhidang perlu dikaut demi kelangsungan hidup. (3) **Anjakan sedemikian** akan dapat mengelakkan **kita** menderita apabila mempunyai wang untuk membayar atau membeli barang keperluan seharian. (4) **Persepsi** ini secara tidak langsung akan mengenyepikan perasaan mahu mahukan tempat kerja yang berhawa dingin semata-mata, sebaliknya minda sudah terarah dan sanggup bekerja di bawah terik matahari demi memenuhi keperluan kewangan **masing-masing**. (5) Tegasnya, untuk mengatasi masalah pengangguran rakyat Malaysia perlu mengelakkan **konflik dalaman tersebut**.

2. Tautan Hubungan

2.1. Hubungan Berlawanan

Hubungan berlawanan bermaksud penulis menjalin idea dengan cara membandingkan dua perkara atau keadaan. Idea terjalin melalui peranti leksikal pasangan kata yang menggambarkan hubungan bertentangan atau perbandingan positif dan negatif. Pembaca akan dapat mengikuti aliran makna dalam idea yang dibincangkan daripada perspektif yang berbeza. Contoh:

(1) Langkah utama untuk menggalakkan orang ramai supaya menggunakan **pengangkutan awam** ialah syarikat pengangkutan awam haruslah menawarkan **tambang yang berpatutan**. (2) Hal ini dikatakan demikian kerana, **tambang yang tidak munasabah** oleh pengusaha yang berbeza akan menyebabkan masyarakat menggunakan **kenderaan persendirian**. (3) Kesannya, **pengguna yang berpendapatan rendah akan terbeban dengan tambang yang mahal** berbanding **pengguna berkemampuan yang tidak terkesan dengan situasi tersebut**.


Unsur tautan hubungan berlawanan bagi ayat-ayat di atas adalah seperti berikut:

1. ...**kenderaan persendirian** dan **tambang yang tidak munasabah** dalam ayat (2) bertaut dengan **pengangkutan awam** dan menawarkan **tambang yang berpatutan** dalam ayat (1) dari segi hubungan berlawanan...
2. ... **pengguna yang berpendapatan rendah akan terbeban dengan tambang yang mahal** bertaut dengan **pengguna berkemampuan yang tidak terkesan dengan situasi tersebut** dalam ayat (3) dari segi hubungan berlawanan...

2.2. Hubungan Keluarga

Hubungan keluarga bermaksud penulis menjalin idea dengan cara menghimpunkan golongan perkataan insklusif dalam satu jenis himpunan perenggan. Jalinan dapat dilihat

melalui makna sesuatu perkataan yang berada di peringkat superordinat yang boleh mencakupi makna perkataan lain di peringkat subordinat. Hubungan ini dapat dikelaskan juga sebagai hubungan antara entiti menyeluruh dengan unsur sebahagian, atau hubungan unsur sebahagian dengan entiti menyeluruh.



RAJAH 4. Tautan Hubungan Keluarga

Dalam Rajah 4, *sekolah* merupakan perkataan yang merangkumi makna perkataan lain (superordinate) manakala *bilik darjah*, *guru*, *murid*, *kurikulum*, *ilmu* dan *kemahiran* ialah perkataan yang mencakupi makna pada peringkat unsur sebahagian (subordinat). Sebagai contohnya, sekiranya sesuatu perenggan itu membincangkan peranan pihak sekolah dalam menangani isu alam sekitar, maka kata dan frasa dalam rajah di atas akan muncul dalam perenggan. Contoh:

(1) Peranan **sekolah** dalam menangani isu alam sekitar adalah melalui pendidikan formal pendekatan merentas **kurikulum** mata pelajaran. (2) Perkara ini merujuk kepada para **guru** akan memfokuskan kepada aspek kemahiran yang ingin dicapai dengan memberi pendedahan dalam bentuk **ilmu** dan maklumat tentang alam sekitar. (3) Impaknya **murid-murid** bukan sahaja akan dapat menguasai kemahiran yang ditekankan malah sikap peka dan menyayangi alam sekitar akan mula bercambah dalam diri mereka. (4) Misalnya, dalam mata pelajaran Bahasa Melayu (KSSM) Tingkatan 1 telah dimuatkan input ilmu dan situasi berlatarbelakangkan terma alam sekitar sebagai pengajaran dan pandangan kepada murid secara tidak langsung dalam menguasai **kemahiran** membaca dan menulis.

2.3. Hubungan Sebab -Akibat

Hubungan sebab-akibat bermaksud penulis menjalin idea melalui hubungan makna antara perkara yang menjadi penyebab dan diikuti akibatnya. Melalui teknik ini pembaca akan dapat menikmati bahawa idea yang ditulis berhubungan dari segi perkara atau fenomena yang dibincangkan. Contoh:

(1) Faktor utama kejayaan seseorang usahawan adalah **sentiasa berusaha meningkatkan ilmu dan kemahiran dalam bidang yang diceburi**. (2) Usaha ini **menyebabkan** para usahawan berpeluang **memperoleh input** dalam bidang masing-masing dengan lebih mendalam. (3) Para usahawan bukan sahaja dapat **meningkatkan kualiti** dan keterampilan diri, malah terdorong untuk menjadi lebih proaktif, kreatif,

inovatif dan berbudaya usahawan. (4) Program latihan, bimbingan dan khidmat nasihat yang disediakan oleh agensi kerajaan membuka ruang golongan ini **meneroka maklumat terkini** sesuatu perniagaan agar menepati kehendak industri dan pasaran semasa, di samping mendapat peluang kemudahan sokongan melalui ekosistem perniagaan yang disediakan oleh pihak berkenaan.

Unsur tautan hubungan sebab akibat dalam perenggan di atas adalah ditunjukkan seperti berikut:

... ilmu dan kemahiran ... menyebabkan ... memperoleh input ... meningkatkan kualiti meneroka maklumat terkini ...

3. Tautan Penghubung Ayat

Tautan penghubung ayat atau penanda wacana merupakan istilah linguistik yang mendukung makna pragmatik dan berfungsi mewujudkan kekohesifan dan kekoherenan sama ada antara ayat dalam perenggan atau antara perenggan dengan perenggan (Choemue & Bram, 2021). Istilah penanda wacana merupakan bentuk yang telah mantap dan diterima pakai untuk merujuk kata atau frasa yang berada pada awal ayat dan biasanya diikuti oleh tanda koma. Fungsinya adalah sebagai penghubung atau jambatan untuk membantu seseorang menstrukturkan aliran idea yang logik dalam penulisan dengan lancar bagi ayat yang baharu ditulis dengan ayat sebelumnya. Sesuatu ayat dalam perenggan dianggap mengalirkan idea dengan sempurna apabila ayat itu diakhiri dengan tanda noktah. Seterusnya, bagi mewajarkan lagi idea berkenaan, ayat-ayat sokongan akan dikemukakan. Oleh itu, bagi melancarkan pemahaman pembaca dalam mengaitkan idea sebelum dengan idea berikutnya, maka unsur tautan penghubung ayat merupakan elemen penting sebagai menjalin idea-idea berkenaan.

Tinjauan literasi menunjukkan Halliday dan Hassan (1976), menggunakan pelbagai istilah padanan untuk penanda wacana seperti kata penghubung, penghubung wacana dan kata keterangan penghubung. Aysu (2017); Kusumayati (2020) dalam penelitiannya mengemukakan beberapa istilah lain yang digunakan bagi maksud penghubung ayat iaitu penghubung wacana, kata wacana, pengendali wacana, pengisi, partikel wacana, isyarat wacana peranti dan penghubung pragmatik.

Tautan penghubung ayat sebagai peranti kohesi disifatkan berbeza dengan tautan perulangan dan tautan hubungan dari segi fungsi dan unsur yang bertaut. Tautan perulangan ialah hubungan antara kata, frasa dan klausa dalam ayat sebelum dan ayat selepas dari segi hubungan makna dan tatabahasa. Tautan hubungan pula terikat dari segi sesuatu elemen yang berkait dalam lingkungannya. Sebaliknya tautan penghubung ayat berperanan sebagai penanda domain semantik antara ayat untuk tujuan perincian, pelanjutan mahupun peluasan. Model ini mencerakinkan unsur penghubung ayat kepada penghubung tambahan, penghubung tentangan, penghubung sebab, penghubung waktu dan penghubung terusan.

3.1. Penghubung Ayat Tambahan

Penghubung ayat tambahan merujuk kepada penanda leksikal yang mendukung ciri mengembangkan idea sebelum dengan idea yang berikutnya dalam konteks penambahan. Contohnya ialah *bahkan, dalam hal ini, di samping itu, lebih-lebih lagi, malahan, sekali lagi, selain itu* dan *tambahan pula*. Contoh:

(1) Kepentingan utama hutan paya bakau adalah untuk melindungi kawasan pinggir pantai daripada ancaman banjir, taufan dan hakisan pantai. (2) **Selain itu**, hutan paya bakau turut bermanfaat sebagai habitat bagi pelbagai hidupan akuatik. (3) **Dalam hal ini**, hutan paya bakau juga menjadi kediaman pelbagai spesies fauna yang lain. (4) **Di samping itu**, hutan paya bakau juga penting bagi membekalkan pelbagai sumber kepada penduduk setempat.

3.2. Penghubung Ayat Tentangan

Penghubung ayat tentangan merujuk kepada penanda leksikal yang mendukung ciri mengembangkan idea sebelum dengan idea yang berikutnya dalam konteks pertentangan. Contohnya ialah *berbeza daripada, dalam nada yang berbeza, jika dibandingkan, namun, namun begitu, namun demikian, sebaliknya, sedangkan, tetapi, walau bagaimana sekalipun*, dan *walau bagaimanapun*. Contoh:

(1) Pendapatan penduduk di pinggir pantai amat bergantung kepada sumber semula jadi daripada hutan paya bakau. (2) **Namun**, pendapatan mereka yang bergantung kepada sumber paya bakau telah terancam kini. (3) **Sebaliknya**, sumber perikanan, kayu arang dan ekopelancongan hutan paya bakau berdepan ancaman kemerosotan fungsi dan integritinya akibat tuntutan pembangunan dan kegiatan ekonomi.

3.3. Penghubung Ayat Musabab

Penghubung ayat musabab merujuk kepada penanda eksplisit yang mendukung ciri meluaskan idea sebelum dengan idea yang berikutnya melalui penerangan sebab dan akibat. Contohnya ialah *akibatnya, berhubungan dengan ini, jadi, jika begitu, kesannya, natijahnya, oleh itu, oleh sebab, hasilnya, oleh yang demikian, sebagai akibatnya, sebagai kesannya*, dan *sehubungan itu*. Contoh:

(1) Banyak kawasan hutan paya bakau telah ditebus guna, diceroboh, ditebang dan ditambah bagi kegiatan pertanian seperti pembukaan ladang kelapa sawit dan pembukaan kolam-kolam udang dan ikan secara komersial. (2) **Sebagai akibatnya**, masalah hakisan pantai berlaku disebabkan hilangnya penahan ombak semula jadi ini. (3) **Sehubungan itu**, pemendapan sedimen di muara sungai kesan daripada kemusnahan kawasan hutan paya bakau boleh menjejaskan kawasan muara sungai dan mengakibatkan banjir terutamanya selepas hujan lebat dan semasa air pasang besar.

3.4. Penghubung Ayat Waktu

Penghubung ayat waktu ialah unsur yang mendukung ciri meluaskan idea sebelum dengan idea yang berikutnya melalui penerangan ruang waktu. Contohnya *ialah dewasa ini, pada ketika itu, pada masa sekarang, pada masa yang sama, pada mulanya, sebelum itu, selepas itu, semenjak itu, sementara itu, dan sesekali*. Contoh:

(1) **Dewasa ini**, pihak kerajaan komited melaksanakan usaha pemeliharaan dan pemuliharaan kawasan hutan paya bakau di pesisiran pantai negara. (2) **Pada masa yang sama**, program penanaman spesies yang sesuai di kawasan tersebut telah dicetuskan bagi memastikan pesisiran pantai negara ditumbuhi pokok-pokok yang berperanan sebagai pemecah ombak dan meminimalkan kesan kemusnahan akibat bencana alam. (3) **Sementara itu**, semangat cintakan sumber alam semula jadi diterapkan dalam kalangan masyarakat termasuk golongan murid sekolah.

3.5. Penghubung Ayat Terusan

Penghubung ayat terusan merupakan penanda wacana yang tidak dikategorikan dalam keempat-empat jenis yang disebutkan di atas. Perkara ini disebabkan unsurnya begitu pelbagai. Namun, penghubung ayat terusan dapat disifatkan sebagai unsur yang mengembangkan sesuatu klausa melalui beberapa cara seperti menerangkan dua klausa yang berkaitan secara serentak atau sejajar, menambah elemen baharu, memberikan pencontohan, dan merumuskan klausa sebelumnya. Model ini menjeniskan penghubung ayat terusan kepada beberapa elemen kecil seperti turutan, umum, contoh dan kesimpulan.

3.5.1 Turutan

Penghubung turutan berfungsi dalam klausa yang memperlihatkan urutan waktu atau siri masa sesuatu yang sedang dibincangkan. Contohnya ialah *akhirnya, kemudiannya, selanjutnya, selepas itu, dan seterusnya*. Contoh:

(1) **Seterusnya**, teknik penanaman semula hutan paya bakau adalah dengan menggunakan teknik bekas tanaman semula jadi daripada gentian kelapa yang dibalut dengan jaring. **Selanjutnya**, kira-kira tiga hingga lima batang anak pokok bakau ditanam di dalam seunit bekas tersebut. (2) **Selepas itu**, anak pokok bakau dibiarkan di tapak semaian selama sebulan. (3) **Akhirnya**, penanaman dibuat dengan bantuan empat batang kayu sebagai pasak yang diikat dengan tali propolin untuk mengepung bekas tanaman dan mengelakkan daripada terapung ketika air pasang.

3.5.2 Umum

Penghubung umum pula berfungsi untuk memerincikan satu klausa dengan klausa yang lain dengan tidak mengemukakan kembali tetapi menjadikannya lebih tepat atau menjelaskan tujuan wacana dengan cara lain (Halliday & Matthiessen, 2014). Penghubung umum ditandai dengan penanda seperti *umum, dengan ini, kebiasaannya, lazimnya, selaras dengan itu dan sememangnya*. Contoh:

(1) **Lazimnya**, hutan paya bakau hidup di kawasan yang mempunyai air pasang surut. (2) **Kebiasaannya**, komuniti tumbuhan ini sangat kompleks dan mempunyai ekosistem yang produktif dengan pelbagai fungsi. (3) **Sememangnya**, keunikan hutan paya bakau ialah pada permukaan tanahnya tidak terdapat sebarang tumbuhan kecil lain kecuali anak bakau sahaja.

3.5.3 Contoh

Penghubung contoh ialah penanda yang berfungsi untuk memerincikan satu klausa dengan klausa yang lain melalui cara memberi spesifikasi atau butiran terperinci tentang idea yang sedang diutarakan. Penanda tersebut ialah *contohnya*, *misalnya*, dan *umpamanya*. Contoh:

(1) Spesies utama hutan paya bakau ialah pokok-pokok bakau. (2) **Contohnya**, pokok bakau kurap, pokok bakau minyak, pokok api-api, pokok tumu dan pokok nyireh. (3) Hutan paya bakau juga menjadi habitat pelbagai spesies fauna. (4) **Misalnya**, monyet, ular, memerang dan burung-burung hijrah. (5) Selain itu, hutan bakau juga penting sebagai habitat kepada pelbagai hidupan marin. (6) **Umpamanya**, anak-anak ikan, ketam nipah, kerang dan krustasia.

3.5.4 Kesimpulan

Penghubung kesimpulan mengandungi penanda perumus yang berfungsi sebagai penyimpul kepada ayat-ayat yang dinyatakan dalam ayat sebelumnya. Penanda tersebut seperti *demikianlah*, *jelaslah*, *bahawa*, *kesimpulannya*, *oleh itu*, *ringkasnya*, *rumusannya* dan *sebagai penggulungan*.

(1) **Kesimpulannya**, semua pihak diseru untuk memberi komitmen penuh bagi mengekalkan kawasan hutan bakau serta kawasan persisiran pantai sebagai kawasan semula jadi. (2) **Ringkasnya**, mengekalkan dan menambah baik ekosistem hutan paya bakau akan memberi nilai tidak terhingga kepada alam, biodiversiti dan sumber makanan negara. (3) **Oleh itu**, aspirasi untuk memastikan kelangsungan hutan paya bakau dalam menuju ke arah negara maju akan dapat direalisasikan.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, makalah ini telah mempertimbang penggunaan Model Pengajaran Unsur Tautan (2009) sebagai sarana kohesi dalam mengajar karangan. Justifikasinya adalah kerana masalah murid dalam menulis masih lagi menjadi persoalan walaupun banyak taksonomi lain yang mencorak dan mendominasi analisis kohesi dan koheren dalam penulisan. Berdasarkan penemuan dapat dirumuskan bahawa sarana kohesi yang diperkenalkan secara beransur-ansur, berturut-turut dan memperdalam dengan menggunakan istilah yang mudah, tidak mengelirukan malah membekalkan murid dengan elemen linguistik yang diperlukan agar

murid dapat menulis karangan dengan jayanya. Pendedahan ini menjadikan murid lebih lentur dalam menghasilkan perenggan yang bersifat agrumentatif, deskriptif, ekpositori, naratif, mahupun persuasif. Oleh itu, penulis menyarankan model sarana kohesi ini dijadikan mekanisme baharu dalam mengajarkan sarana kohesi dengan lebih inovatif menggunakan bahan bantu yang menarik dan hidup sesuai dengan tahap kecerdasan, kematangan dan latar belakang murid. Penulis turut mencadangkan guru-guru meninggalkan amalan memberi penerangan yang berbentuk umum dan abstrak dalam pengajaran karangan sebaliknya prosedur penyampaian ilmu pengetahuan dapat diubah dengan memahami formula yang dianjurkan oleh paradigma dalam model ini. Penulis turut mengusulkan guru-guru melaksanakan model ini kerana unsur tautan yang diajar secara sedar dan ansur maju berlandaskan aturan yang terkandung dalam model ini membantu guru meregulasi dan mengawal sebarang aktiviti pengajaran yang bersandarkan sifat proses mengarang itu sendiri, bukan kepada hasil karangan semata-mata. Sebagai penutup, penulis turut menganjurkan lebih banyak kajian berkaitan kontribusi model ini dalam aspek keberkesannya dengan sampel kajian yang lebih meluas ke arah pelaksanaan pengajaran mampan kemahiran menulis. Dengan demikian aspirasi ke arah melahirkan murid yang mempunyai kecekapan berbahasa dapat direalisasikan melalui pendidikan bahasa Melayu.

RUJUKAN

- Adiantika, H. N. (2015). Cohesive devices in EFL students' expository writing. *English Review: Journal of English Education*, 4(1), 94. <https://doi.org/10.25134/erjee.v4i1.316>
- Alief Noor Farida, & Mohamad Ikhwan Rosyidi. (2019). Students' writing quality: Its coherence and cohesion. *Language Circle: Journal of Language and Literature*, 14(1), 121–129. <https://doi.org/10.15294/lc.v14i1.21505>.
- Andi Tenri Ampa, & Muhammad Basri D. (2019). Lexical and grammatical cohesions in the students' essay writing as the English productive skills. *Journal of Physics: Conference Series*, 1339(1). <https://doi.org/10.1088/1742-6596/1339/1/012072>
- Anis Firdatul Rochama. (2019). A discourse analysis: Cohesion of the introduction section of research article. *Journal of English Language Teaching and Linguistics*, 4(1), 1. <https://doi.org/10.21462/jeltl.v4i1.173>
- Arvianto, F., Supendi, D. A., & Agustiani, T. (2018). Correlation between the interest in writing and the mastery of cohesion and coherence tools in Indonesian Language learning of Class X Vocational High school in Sukabumi City. *Metalingua: Jurnal Penelitian Bahasa*, 16(1), 7. <https://doi.org/10.26499/metalingua.v16i1.127>
- Avralinetine Epin, & Nurfaradilla Mohamad Nasri. (2021). Modul celik karangan : Meningkatkan kemahiran dan minat murid tahun enam dalam penulisan karangan jenis kakta. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 130–143. Retrieved from <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd>
- Aysu, S. (2017). The use of discourse markers in the writings of Turkish students of English as a foreign language: a corpus based study. *Journal of Higher Education and Science*, 7(1), 132. <https://doi.org/10.5961/jhes.2017.191>
- Chairudin, M. (2020). The implication of bilingualism in EFL classroom: An investigation of teaching and learning in English department learning. *Journal of Research on English and Language*, 1(2), 142–148.

- Choemue, S., & Bram, B. (2021). Discourse markers in academic and non-academic writings of Thai EFL learners. *Studies in English Language and Education*, 8(3), 1209–1226. <https://doi.org/10.24815/siele.v8i3.20122>
- Dewi, D. S. (2016). Analysis of cohesion on writing comparative paragraph of English department. *ANGLO-SAXON: Jurnal Ilmiah Program Studi Pendidikan Bahasa Inggris*, 7(2), 82. <https://doi.org/10.33373/anglo.v7i2.507>
- Dio, A., Rokhmat, B., & Bambang, D. (2018). Penggunaan peranti kohesi dan koherensi pada naskah drama karangan siswa Kelas VIII SMPN 7 Kota Bengkulu. *Jurnal Ilmiah Korpus, Volume II, Nomor I, April 2018*, 2, 8–21.
- Dumlao, R. P., & Wilang, J. D. (2019). Variations in the use of discourse markers by L1 and L2 English users. *Indonesian Journal of Applied Linguistics*, 9(1), 202–209. <https://doi.org/10.17509/ijal.v9i1.15206>
- Emilia, E., Habibi, N., & Bangga, L. A. (2018). An anlysis of cohesion of exposition texts: An Indonesian context. *Indonesian Journal of Applied Linguistics*, 7(3), 515–523. <https://doi.org/10.17509/ijal.v7i3.9791>
- Ghasemi, M. (2013). An investigation into the use of cohesive devices in second language writings. *Theory and Practice in Language Studies*, 3(9), 1615–1623. <https://doi.org/10.4304/tpls.3.9.1615-1623>
- Gunawan Wawan Wirza, Yanty Azahari Holik, & Nici. (2020). Textual construction of the hearing-impaired students' recount texts: A case of students with special needs in writing to mean. *Indonesian Journal of Applied Linguistics*, 10(2), 526–537. <https://doi.org/10.17509/ijal.v10i2.28603>
- Hung Siew Siew, & Zamri Mahamod. (2021). Kekekapan penggunaan strategi kemahiran menulis Bahasa Melayu dalam kalangan murid cemerlang Cina dan Iban. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 122–133. Retrieved from <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd/article/view/12562/6283>
- Juanggo, W. (2018). Investigating lexical diversity and lexical sophistication of productive vocabulary in the written discourse of Indonesian EFL learners. *Indonesian Journal of Applied Linguistics*, 8(1), 38–48. <https://doi.org/10.17509/ijal.v8i1.11462>
- Khatijah, A. H. (1996). Wacana dalam teks penulisan: Tinjauan tentang pertautan berdasarkan analisis kohesi dan koheren. *Jurnal Dewan Bahasa*, 1, 868.
- Kusumayati, L. D. (2020). The use of discourse markers in written discourse by the students at Aviation Polytechnic of Surabaya. *E-Structural*, 3(01), 45–56. <https://doi.org/10.33633/es.v3i01.3757>
- Lembaga Peperiksaan Malaysia. (2017). *Kupasan Mutu Jawapan Bahasa Melayu 1103/1*. Retrieved from [http://lp.moe.gov.my/images/bahan/spm/KMJ/KMJ_SPM_2017/Bahasa Melayu 1 \(1103_1\).pdf](http://lp.moe.gov.my/images/bahan/spm/KMJ/KMJ_SPM_2017/Bahasa Melayu 1 (1103_1).pdf)
- Lembaga Peperiksaan Malaysia. (2019). *Kupasan Mutu Jawapan Bahasa Melayu 1103/1*. Retrieved from [http://lp.moe.gov.my/images/bahan/spm/KMJ/KMJ_SPM_2017/Bahasa Melayu 1 \(1103_1\).pdf](http://lp.moe.gov.my/images/bahan/spm/KMJ/KMJ_SPM_2017/Bahasa Melayu 1 (1103_1).pdf)
- Lestari, R. F. (2019). Kohesi dan koherensi paragraf dalam karangan narasi mahasiswa teknik angkatan 2017 Universitas PGRI Banyuwangi. *KREDO : Jurnal Ilmiah Bahasa Dan Sastra*, 3(1), 73–82. <https://doi.org/10.24176/kredo.v3i1.3924>
- Marashi, S. M. (2021). Impact of teaching cohesive devices to Iranian EFL learners: Case of IELTS writing task 2 examination. *JL3T (Journal of Linguistics Literature and Language Teaching)*, 6(2), 115–126. <https://doi.org/10.32505/jl3t.v6i2.2050>
- Mohamed, O. (1997). Gender socialization and learning style patterns of secondary school students. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum.* 5(1): 15-20 (1997, 5(1), 15–20.
- MS Sari, Hapizah, Susanti, E., & Scristia. (2020). Development of teaching materials arithmetic sequence and series based on android for problem based learning. *Journal of Physics: Conference Series*, 1480(1). <https://doi.org/10.1088/1742-6596/1480/1/012024>
- Ningrum, C. A., & Simpen, I. W. (2019). Peningkatan kemampuan penggunaan kohesi gramatikal dan leksikal melalui teknik graphic organizer dalam karangan mahasiswa pendidikan Bahasa Inggris Ikip Saraswati Tabanan. *Linguistika: Buletin Ilmiah Program Magister Linguistik Universitas*

- Udayana, 26(2), 184. <https://doi.org/10.24843/ling.2019.v26.i02.p09>
- Priyatmojo, A. S. (2012). Improving cohesion of the students' sentences through the application of cohesion theory in the sentence-based writing class. *Language Circle Journal of Language and Literature*, 6(2), 71–81. <https://doi.org/10.15294/lc.v6i2.2409>
- Putri, R. A., Anwar, M., & Ansorihyah, S. (2020). Penyebab kesalahan kohesi leksikal dan gramatikal dalam karangan eksposisi siswa. *Deiksis*, 12(02), 206. <https://doi.org/10.30998/deiksis.v12i02.4204>
- Rahmah, Ek. N. (2020). Konsep metode pembelajaran perspektif Ibnu Khaldun serta relevansinya dengan pendidikan masa kini. *Jurnal Of Islamic Education*, 91–118.
- Rahman, Z. A. A. A. (2013). The use of cohesive devices in descriptive writing by Omani student-teachers. *SAGE Open*, 3(4). <https://doi.org/10.1177/2158244013506715>
- Ratu Nur Fardhibah, & Nur Aliyah Nur. (2017). Analyzing students' difficulties in maintaining their coherence and cohesion in writing process. *ETERNAL (English, Teaching, Learning and Research Journal)*, 3(2), 179–189. <https://doi.org/10.24252/eternal.v32.2017.a7>
- Rosa, J. P. O. D., & Genuino, C. F. (2018). Correlating writer's block and ESL learners' writing quality. *Indonesian Journal of Applied Linguistics*, 7(3), 604–612. <https://doi.org/10.17509/ijal.v7i3.9810>
- Saepudin, J. (2015). Model pembelajaran dalam perspektif Ibnu Khaldun: Resepsi terhadap kitab Muqaddimah. *EDUKASI: Jurnal Penelitian Pendidikan Agama Dan Keagamaan*, 2015, 222–238.
- Sanat Md. Nasir. (2002). *Tautan Dalam Wacana Bahasa Melayu Akhbar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sidabutar, U. (2021). An analysis of lexical cohesion on the students' writing. *JETAL: Journal of English Teaching & Applied Linguistic*, 2(2), 62–67. <https://doi.org/10.36655/jetal.v2i2.533>
- Siti Zabedah Mohamad. (2006). Kesan pendekatan penyebatian kemahiran berfikir kreatif dalam pengajaran karangan deskriptif dan karangan imaginatif dalam kalangan pelajar Tingkatan IV. Tesis. Universiti Sains Malaysia.
- Sukmawan, S., Setyowati, L., & El-Sulukiyah, A. A. (2021). The effect of authentic materials on writing performance across different levels of proficiency. *International Journal of Language Education*, 5(1), 515–527. <https://doi.org/10.26858/IJOLE.V5I1.15286>
- Zamri Salleh, & Abdul Sukor Shaari. (2009). Kesan model unsur tautan terhadap pengajaran karangan Bahasa Melayu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 6, 55–78. <https://doi.org/10.32890/mjli.6.2009.7613>
- Zuraini Jusoh, Fadzilah Abd. Rahman, Norazlina Mohd Kiram, & Samsilah Roslan. (2013). Pencapaian Bahasa Melayu yang rendah dalam kalangan calon Penilaian Menengah Rendah. *Malay Language Education Journal-MyLEJ*, 3(1), 1–11.

Biodata Penulis

Rozita Mohamad Yuneh merupakan calon Doktor Falsafah (Kajian Bahasa Melayu) di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan & Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rahim Aman (Phd) merupakan Profesor di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan & Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Shahidi A.H. (Phd) merupakan Profesor Madya di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan & Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.